

04 DEC 2001

Shahidan-Khor

KESIHATAN ADUN INDERA KAYANGAN MASIH KRITIKAL

KANGAR, 4 Dis (Bernama) -- Kedudukan kesihatan anggota Exco Perlis, Datuk Khor Liang Tee masih lagi kritikal dan bergantung kepada mesin sokongan hayat.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, beliau telah mendapat salinan laporan perubatan Khor, yang juga anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan, untuk diserahkan kepada Perdana Menteri dalam tempoh terdekat ini.

Bercakap kepada pemberita di kediamannya lewat petang ini, beliau berkata laporan perubatan itu diserahkan oleh isteri Khor, Datin Tan Chien Lieng kepadanya hari ini.

"Saya berharap Khor akan sembuh dan boleh melaksanakan tugasnya semula," katanya ketika ditanya sama ada keadaan Pengerusi MCA Perlis itu lebih kritikal berbanding sebelum ini.

Khor, 59, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Perlis dimasukkan ke Pusat Rawatan Gleneagles Intan, Ampang sejak Ogos lalu kerana barah usus yang dihidapinya sejak 1999.

Keadaan kesihatannya agak kritikal sejak lebih dua bulan lalu.

Shahidan yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Perlis berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri telah dimaklumkan mengenai kedudukan kesihatan Khor.

Mengenai kedudukan Khor sebagai salah seorang anggota Exco kerajaan negeri yang akan tamat tempoh perkhidmatannya tamat 13 Disember ini, Shahidan berkata "Khor masih Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Perlis."

Ditanya kemungkinan tempat Khor akan diganti oleh anggota dewan undangan negeri kawasan Titi Tinggi, Loh Yoon Foo yang juga Timbalan Pengerusi MCA Perlis, beliau berkata, ia merupakan urusan MCA.

"Saya rasa jika Khor sihat dan pulang untuk mengangkat sumpah, beliau masih boleh meneruskan tanggungjawabnya," katanya.

Tempoh perkhidmatan Khor dan empat anggota Exco kerajaan negeri Perlis yang lain akan berakhir 13 Disember ini apabila tempoh perkhidmatan mereka yang berkuatkuasa setahun berakhir.

Empat lagi anggota Exco Kerajaan Perlis ialah Datuk Yazid Mat yang menerajui portfolio Pelaburan dan Perindustrian, Datuk Ishak Arshad (Agama dan Pertanian), Md Isa Sabu (Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan) dan Mohd Hadzi Nordin (Tanah, Perhutanan dan Pembangunan Luar Bandar).

Jika prestasi mereka memuaskan, perkhidmatan mereka akan disambung setahun lagi.

Khor yang dilahirkan pada 31 Oktober 1942 meninggalkan jawatan guru untuk menceburi bidang politik sepenuh masa pada 1990 apabila bertanding kerusi dewan undangan negeri kawasan Indera Kayangan.

Beliau memenangi kerusi berkenaan tiga penggal berturut-turut dan pada pilihan raya umum lalu, merupakan calon BN yang mendapat undi majoriti paling tinggi dengan kelebihan 1,974 undi berbanding calon parti Keadilan, Ko Chu Liang.

Bapa kepada empat anak itu juga adalah bekas jurulatih taekwondo.

Khor yang menjadi Pengerusi MCA Perlis sejak 1996 berkelulusan sarjana muda sastera daripada Universiti Nasional Indonesia dan berkebolehan dalam bidang sejarah Islam.

-- BERNAMA

AD ZB

